

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(VIII)4**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG  
YB. LIM SIEW KHIM**

4. Apakah status Pembangunan Perumahan Kampung Pisang Awak Fasa 2, Seksyen 4, Bandar Jelutong oleh JKP Sdn. Bhd.?
  - (a) Adakah arahan Bahagian Perumahan Negeri untuk merobohkan struktur bermasalah projek tersebut dipatuhi?
  - (b) Apakah status dan rancangan untuk pembeli-pembeli unit projek yang terlibat?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

4. Pemajuan Rumah Mampu Milik (RMM) C Mutiara Rini dan A dan B, Mutiara Ria di atas sebidang tanah milik Kerajaan Negeri oleh JKP Sdn. Bhd. (JKPSB) adalah salah satu usaha menambah bekalan Rumah Mampu Milik di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, ujian struktur mendapati kedua-dua pemajuan tersebut gagal mencapai tahap kualiti pembinaan yang ditetapkan. Sehubungan itu, demi kepentingan awam, Kerajaan Negeri pada 11 Januari 2018 memutuskan untuk pembinaan tersebut dihentikan dan perkara tersebut disampaikan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pada 16 Januari 2018 agar perintah meruntuh dikeluarkan kepada pihak JKPSB.  
Pihak JKPSB telah mengambil tindakan terhadap perintah berkenaan di mana tender bagi cadangan kerja merobohkan struktur telah diiklankan pada 24 Januari 2018 (Utusan Malaysia) dan 25 Januari (*The Star*). Kontraktor dilantik

iaitu Persada Satria Sdn. Bhd. sedang dalam proses memperolehi permit meroboh dari MBPP di mana kerja-kerja meroboh akan mengambil tempoh 8 bulan.

Kesemua bakal pembeli bagi projek perumahan tersebut diuruskan oleh Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP). Bagaimanapun tiada Perjanjian Jual Beli ditandatangani lagi oleh pembeli. Terdapat di antara mereka yang memohon untuk membatalkan tawaran bagi memohon projek yang lain, manakala sebilangan lagi masih berminat untuk meneruskan pembelian di projek ini.